



KERJA-KERJA pembinaan projek berhampiran Kg. Rinching Hulu, Semenyih, Selangor dihentikan sementara oleh pemaju selepas kejadian banjir kilat melanda kampung berkenaan, petang kelmarin.



BEGINILAH keadaan banjir lumpur yang melanda beberapa kawasan rendah termasuk rumah anak yatim di Kg. Rinching Hulu, Semenyih, Selangor yang sempat dirakamkan penduduk akibat hujan lebat, petang kelmarin.

Projek perumahan berhampiran didakwa sebabkan banjir di Kampung Rinching Hulu Penduduk trauma banjir lumpur

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
kota@grouputusan.com.my

HULU LANGAT 28 Okt. - Hasrat kira-kira 13 buah keluarga di Kampung Rinching Hulu, dekat sini untuk menikmati cuti hujung minggu mereka musnah apabila kediaman mereka dilanda banjir kilat, semalam.

Lebih malang, banjir berkenaan bukan sahaja menyebabkan air hujan bercampur lumpur hingga memecah paras lutut masuk ke rumah, malah ada penduduk kerugian hingga puluhan ribu ringgit.

Difahamkan, kejadian berpunca daripada hujan lebat dari pukul 3 petang, ditambah pula dengan sistem saliran daripada pemaju perumahan SP Setia yang gagal berfungsi dengan baik.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke rumah penduduk terlibat hari ini mendapati masing-masing sibuk mengemas peralatan rumah termasuk me-



MAAROF

ngasingkan peralatan yang rosak.

Pengerusi Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) kampung itu, Maarof Abdul Ghani berkata, banjir lumpur itu adalah kali keempat dan paling teruk sejak projek pembinaan itu bermula.

Menurutnya, sebelum ini hanya halaman rumah penduduk ditenggelami air tetapi tidak menyangka turut disertai lumpur daripada tapak pembinaan.

"Sebelum kejadian, saya ada melalui kawasan itu untuk pulang ke rumah tetapi tidak sampai 30 minit kemudian, penduduk menghubungi saya memaklumkan kejadian tersebut," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dalam kejadian itu sebanyak 10 buah rumah penduduk termasuk lima rumah anak yatim di Kampung Hulu Rinching, Semenyih mengalami kerosakan harta benda.

Difahamkan, banjir itu berpunca daripada kegagalan pemaju membina tembok penghadang di antara kawasan yang dibangunkannya dengan sempadan kampung.

Jarak kawasan perumahan baharu yang dibangunkan pemaju, Setia Eco Hill dengan rumah penduduk itu hanya kurang 500 meter.

Penduduk mendakwa, longkang besar yang sedang dibina pemaju berdekatan rumah mereka yang masih dalam proses pembinaan memburukkan lagi keadaan.

Tambah Maarof, pihaknya ada berjumpa dengan wakil pemaju sebelum ini untuk berbincang mengenai masalah yang menimpa penduduk itu.

"Pemaju berjanji untuk memastikan kejadian banjir tidak berulang tetapi masalah itu berlaku lagi bahkan paling buruk dalam sejarah kampung ini.

"Saya mewakili penduduk berharap kejadian ini adalah yang terakhir kerana tidak sanggup lagi menanggung sengsara," katanya.



MAD Isa Osman menunjukkan paras air di bahagian dinding kediamannya akibat banjir lumpur yang berlaku di Kg. Rinching Hulu, Semenyih, Selangor, semalam.



KESAN lumpur yang kelihatan di halaman salah seorang penduduk di Kampung Rinching Hulu, Semenyih, Selangor selepas banjir lumpur melanda kampung berkenaan - UTUSAN/NURAIN AZEMI



SALAH seorang penduduk mengasingkan barangan rumahnya yang rosak akibat banjir lumpur yang dialami, semalam.